

16 JUN 2002

Hishammuddin-IPTS

10 IPTS SETUJU KERJASAMA DENGAN PEMUDA TINGKAT PELAJAR BUMIPUTERA

IPOH, 16 Jun (Bernama) -- Sepuluh buah institut pengajian tinggi swasta (IPTS) telah menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dengan Pemuda Umno bagi meningkatkan bilangan pelajar Bumiputera di IPTS, kata Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Katanya ia dicapai hasil perbincangan yang diadakan dengan IPTS terbabit sejak beberapa hari lepas bertujuan untuk mencari jalan mengurangkan ketidakseimbangan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera di IPTS.

"Ini satu perkembangan yang baik dalam menangani masalah ini. Kita tidak mahu ia dipolitikkan atau dijadikan isu perkauman," katanya selepas mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada perasmian Bulan Sukan Negara peringkat kebangsaan di Stadium Perak di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Hishammuddin berkata kuota 10 peratus pelajar Bumiputera bukanlah satu keutamaan tetapi pihaknya akan melihat secara khusus sesuatu kursus dan IPTS tertentu bagi meningkatkan bilangan mereka.

Dua hari lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak bersetuju dengan desakan Pemuda Umno agar diadakan kuota 10 peratus itu kerana ia hanya akan mengurangkan bilangan mereka di IPTS.

Hishammuddin berkata beliau telahpun menjelaskan kepada Kabinet Rabu lepas bahawa kuota itu bukanlah satu keutamaan tetapi yang penting mencari punca pelajar Bumiputera kurang di IPTS dan mencari formula mengatasinya.

"Sebab itulah Pemuda menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mencari punca masalah ini. Kita juga akan bekerjasama dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain," katanya.

Ditanya sama ada pelajar Bumiputera enggan memasuki IPTS kerana kemungkinan kualitinya yang rendah, Hishammuddin berkata terdapat hampir 600 IPTS di seluruh negara dan mustahil semuanya kurang memberangsangkan.

Hishammuddin berkata isu pelajar di IPTS itu akan dibahaskan pada perhimpunan agung Pemuda minggu depan selain soal pencapaian akademik pelajar Bumiputera dan penggunaan Bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

AR RON